POLITEKNIK BANTING SELANGOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Persiaran Ilmu,
Jalan Sultan Abdul Samad
42700 Banting
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-3120 1625
Faks : 03-3120 1706
Laman Web : https://pbs.mypolycc.edu.my
Facebook : Politeknik Banting

Ruj. Kami : PBS.HEP.600-1/9 JLD. 8 ( )
Tarikh : 19 Disember 2024

Semua Pelajar *Senior* Politeknik Banting Selangor
(Tidak Termasuk Pelajar Latihan Industri)

Saudara/Saudari,

PENDAFTARAN PELAJAR *SENIOR* SESI II: 2024/2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pendaftaran pelajar bagi Sesi II: 2024/2025 akan diadakan pada ketetapan berikut:

a) Pelajar yang mempunyai kursus berstatus C1, C2 atau masih belum mengambil kursus sesi sebelum perlu hadir pada ketetapan berikut:-

Program	**DKM, DTP, DAM**
Tarikh	10 Januari 2025 (Jumaat)
Masa	9.00 pagi – 12.00 tengah hari
Tempat	Kafeteria Mas

b) Pelajar biasa (tiada ketinggalan kursus atau *carry module*) seperti ketetapan berikut:-

Program	**DKM, DTP, DAM**
Tarikh	12 Januari 2025 (Ahad)
Masa	9.00 pagi – 1.00 petang
Tempat	Kafeteria Mas

3. Segala maklumat berkaitan proses pendaftaran dan kadar bayaran yuran dimana saudara/ saudari diminta untuk merujuk kepada **Panduan Pendaftaran Pelajar Senior Sesi II: 2024/2025 yang telah dimuatnaik** di laman sesawang PBS seperti link berikut **https://pbs.mypolycc.edu.my/v1/index.php/pendaftaran.**

4. Bermula Sesi I: 2024/2025 semua pelajar **DIWAJIBKAN** menginap di Kolej Kediaman PBS mengikut surat arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi JPPKK.BGK.600-1/1/1JLD4(9) bertarikh 8 April 2024. Pelajar juga diminta untuk menyelesaikan bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman **sebelum** melapor diri di Kolej Kediaman PBS. Pelajar yang tidak menjelaskan bayaran tidak dibenarkan mengambil kunci bilik Kolej Kediaman PBS. Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Kolej Kediaman boleh dilaksanakan bemula **2 Januari 2025 sehingga 9 Januari 2025.**

5. Proses pendaftaran secara dalam talian perlu dilaksanakan selepas 24 jam bayaran Yuran Pengajian dijelaskan. Tempoh masa pendaftaran **bermula dari 3 Januari 2025** dan selewat-lewatnya **sebelum 12 Januari 2025** melalui Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP).

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(TS. IBRAHIM BIN BURHAN)
Pengarah
Politeknik Banting Selangor

KAEDAH PEMBAYARAN

Bayaran boleh dibuat melalui saluran berikut:

A. JomPAY (BAGI YURAN PENGAJIAN & YURAN KOLEJ KEDIAMAN SAHAJA)

1. Log masuk ke perbankan pilihan dalam talian atau mobile banking

2. Pilih JomPAY pada menu *Pay Bills*



3. Buat pilihan akaun pengguna dan isi maklumat berikut:

i. Biller Kod Politeknik Banting = **629485**

ii. *Reference 1*: Nombor kad pengenalan **PELAJAR tanpa (-)**

Contoh: 031229105384

iii. *Reference 2*: Nombor telefon **PELAJAR.**

Contoh: 0197524352

iv. Jumlah: **RM 630.00**



Biller code = **629485**

Reference 1 : Nombor kad pengenalan pelajar

Reference 2 : Nombor telefon pelajar

Amount : Jumlah bayaran